

Ribut landa kampong (Metro, 31 Mei 2009)

Oleh ZATUL IFFAH ZOLKIPLY
am@hmetro.com.my

MANJUNG: "Biasanya kami sekeluarga tidur di ruang tamu, tetapi entah kenapa malam tadi (kelmarin) saya tergerak hati untuk tidur di bilik.

"Saya tidak dapat bayangkan nasib kami jika tidur di ruang tamu dan bersyukur kepada Allah SWT kerana semua ahli keluarga saya terselamat, biarpun rumah kami rosak teruk," kata Mohammad Hazri Hassan, 31, seorang mangsa ribut di Kampung Batu 8, di sini, semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 2 pagi semalam, sembilan kampung di Lekir, dekat sini, dilanda ribut dan hujan lebat, mengakibatkan lebih 50 rumah mengalami kerosakan.

Kampung terbabit ialah Kampung Kayan, Kampung Pasir Panjang Laut, Kampung Tanjung Kepah, Kampung Sungai Tiram, Kampung Batu 8, 9, 10, 12 dan 14.

Rumah Mohammad Hazri rosak teruk apabila sebahagian besar bahagian tengah, terutama di ruang tamunya, dihempap sebatang pokok kelapa.

"Ketika kejadian saya tidur bersama isteri, Roshimah Kamaruddin, 26, di dalam bilik tidur utama, manakala tiga anak lelaki kami yang berusia antara dua hingga enam tahun tidur di bilik bersebelahan.

"Kira-kira jam 1.55 pagi, saya terjaga daripada tidur kerana mendengar bunyi kuat di luar rumah. Sebaik keluar rumah, saya dapati angin menderu masuk ke dalam rumah sebaik membuka pintu," katanya.

Beliau berkata, dia melihat beberapa batang pokok kelapa berdekatan rumah bergoyang akibat ditiup angin dan pada masa sama cahaya kilat sabung menyabung, menyebabkan dia terus mengejutkan isteri dan tiga anaknya berlindung di kawasan selamat di luar rumah.

Tindakan Mohammad Hazri berjaya menyelamatkan keluarganya kerana beberapa minit selepas mereka keluar dari rumahnya, sebatang pokok kelapa menghempap bahagian tengah rumah kediaman mereka.

Sementara itu, jurucakap Pegawai Daerah Manjung ketika dihubungi memaklumkan, pihaknya dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Manjung masih menyiasat jumlah keseluruhan kampung dan rumah terbabit dalam kejadian ribut itu bagi membolehkan bantuan sewajarnya diberikan.